

# BERINFAK DI JALAN ALLAH SWT RAIH GANJARAN BERGANDA

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ أَمْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ

(Surah Al-Baqarah, ayat: 245) ﴿٢٤٥﴾ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sesungguhnya, Allah SWT memerintahkan kita semua supaya bertakwa kepada-Nya, dengan sentiasa tekun serta istiqamah melaksanakan segala perkara yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Ketahuilah, ketakwaan kepada Allah SWT adalah pembuka pintu pengurniaan rahmat dan barakah sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ...

Yang bermaksud: "Dan (Tuhanmu berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi..." (S. Al-A'raaf: 96).

## JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Sayugianyalah kita semua sedari bahawa sesungguhnya kesihatan dan kekuatan jasmani yang kita rasai merupakan kurniaan Allah SWT yang tidak terhitung nikmat dan manfaatnya. Demikian juga halnya dengan segala harta mahupun kekayaan yang diperolehi dan dimiliki hakikatnya adalah milik dan kurniaan Allah.

Kita sebagai makhluk bernama manusia hanya diamanahkan memakmurkan bumi ini hatta menguruskan harta dan kekayaan yang dikurniakan sesuai dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditentukan oleh Allah SWT selaku Pencipta dan Pentadbir seluruh alam ini.

Dengan kata lain, walaupun pada zahirnya manusia yang berusaha memperoleh harta dan kekayaan melalui berbagai ikhtiar, namun segala-galanya adalah atas takdir dan kurniaan Allah SWT jua. Maka, manusia bukanlah pemilik mutlak atas segala harta dan kekayaan yang diperoleh dan dimiliki. Di dalam harta mahupun kekayaan itu ada hak orang lain justeru Allah SWT yang mengurniaknya kepada kita sebagai satu bentuk pinjaman untuk dijadikan modal bagi menyara hidup dan berinfak atau berbelanja pada perkara-perkara yang bermanfaat selaras syariat.

Sehubungan itu, kita sebagai umat Islam hendaklah sentiasa menginsafi akan hakikat berkenaan dengan mengukuhkan keimanan kepada Allah SWT selain membelanjakan harta yang dikurniakan kepada perkara-perkara yang bernilai kebajikan yang mendatangkan ganjaran pahala dan reda Ilahi. Hal ini selaras dengan saranan Allah SWT sebagaimana terakam pada firman-Nya:

ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلِفِينَ فِيهِ ۖ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا هُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧﴾

Yang bermaksud: *“Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta-benda (pemberian Allah) yang dijadikan-Nya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar.”* (S. al-Hadid: 7).

### **HADIRIN MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Melalui ayat yang baru dibacakan itu juga, Allah SWT menegaskan bahawa orang yang beriman dan berinfak di jalan Allah SWT akan diganjar pahala yang besar. Ini merupakan satu motivasi kepada mereka yang berada dan berkemampuan dari segi harta benda dan wang ringgit untuk memberi sumbangan serta bakti kepada perjuangan membela agama, mengangkat martabat ummah dan mensejahterakan kehidupan masyarakat secara umum.

Dan, seruan untuk berinfak pada jalan Allah SWT kini semakin terasa mengingat bahawa berbagai musibah serta penderitaan hidup melanda saudara-saudara seagama kita di beberapa pelusuk dunia. Pergolakan serta pertumpahan darah yang melanda negara-negara Islam seperti Syria, Iraq, Yaman, Palestin dan lain-lain lagi misalnya, bukan saja telah menyebabkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda yang banyak, malahan telah juga memaksa beratus ribu rakyatnya menjadi pelarian di negara-negara lain. Manakala umat Islam yang menjadi penduduk minority di Myanmar pula tidak dapat hidup aman dan tenteram kerana ditindas dan diganasi oleh kelompok-kelompok manusia yang kejam dan tidak berhati perut.

Bayangkanlah betapa sengsara dan deritanya hidup mereka! Sudahlah keselamatan dan nyawa mereka sentiasa terancam dengan peluru meriam yang tidak bermata dan serpihan bom yang tidak mengenal mangsa, mereka kekurangan bekalan makanan dan perubatan pula. Sedang anak-anak yang belum memahami dan mengetahui adat resam dunia tidak berpeluang mengikuti system pendidikan yang formal.

Pendek kata, nasib serta kehidupan saudara-saudara Muslim kita yang menjadi mangsa pergolakan dan penindasan itu ibarat nyawa di hujung tanduk. Belum pasti masih adakah hari esok dan masa depan untuk mereka???

### **SAUDARA JEMAAH YANG BUDIMAN,**

Hakikatnya, segala penderitaan dan kesengsaraan hidup yang mereka alami tidak dapat digambarkan hanya dengan kata-kata. Yang jelas, betapa berat mata memandang, tentu berat lagi bahu yang memikul.

Maka sudah sepatutnyalah kita sebagai saudara seagama prihatin terhadap nasib mereka yang ditimpa musibah mahupun dilanda kesengsaraan hidup tersebut dengan bertindak secara proaktif melakukan sesuatu yang boleh meringankan penderitaan mereka. Untuk tujuan ini, terdapat beberapa tindakan yang mampu dan praktikal untuk dilakukan.

Pertama, berdoa kepada Allah SWT memohon supaya mereka terhindar daripada kesengsaraan hidup yang memanjang selain memohon agar mereka dapat kembali hidup aman damai dan makmur.

Kedua, menghulurkan bantuan dalam bentuk material dan wang ringgit.

Ketiga, memberi sumbangan tenaga dan keintelektualan bagi memperbaiki keadaan hidup mereka.

### **SIDANG JEMAAH YANG MULIA,**

Tiga tindakan yang diberikan itu dalam membela golongan yang susah dan teraniaya merupakan tanda kepekaan dan keprihatinan terhadap saudara seagama. Ia sebagai tanda kebersamaan terhadap penderitaan yang mereka alami sekali gus memulihkan keyakinan mereka untuk meneruskan kehidupan kendati dalam keadaan serba kekurangan dan gawat. Setidak-tidaknya ia dapat merungkaikan sifat keegoan di hati kita, seterusnya menyuntik jiwa prihatin dan penyayang ke dalam jiwa kita.

Abu Hurairah RA meriwayatkan sepotong Hadith yang bermaksud; *“Sesungguhnya amalan yang paling dicintai Allah SWT setelah amalan fardu ialah menyebabkan kegembiraan bertakhta di hati saudaranya sama ada dia menghilang kesedihannya atau melunaskan tanggungan hutangnya dan menghilangkan kelaparannya.”* (Riwayat Al-Baihaqi).

Bertitik tolak daripada mafhum hadis ini, maka mereka yang berada dan berkemampuan dari segi harta mahupun wang ringgit sangat dianjurkan dan dialu-alukan untuk menghulurkan sumbangan kepada tabung-tabung kebajikan yang diwujudkan khusus bagi membantu mangsa perang, bencana alam, anak-anak yatim dan sebagainya. Jangan sekali-kali merasa rugi membelanjakan harta pada jalan Allah SWT kerana di samping beroleh kepuasan dapat membantu orang lain, mereka yang berinfak juga dijanjikan ganjaran yang berganda-ganda banyaknya dari Allah SWT. Ini sebagaimana firman-Nya:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ  
وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Yang bermaksud: *“Bandingan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, Dan Allah Maha Luas kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.”* (S. Al-Baqarah: 261).

Ganjaran yang telah dijanjikan oleh Allah SWT ini diharap dapat merangsang setiap umat Islam menjadi individu yang penyayang dan prihatin terhadap kesulitan hidup yang dideritai oleh orang lain. Seterusnya, menyemarakkan semangat suka berinfak di jalan Allah SWT seperti berzakat, bersedekah, berwakaf dan sebagainya.

Kenanglah kehebatan Umar bersedekah separuh hartanya dan beliau merasa seronok. Namun, hebat lagi sedekahnya Abu Bakar yang bersedekah seluruh hartanya untuk perjuangan menegak dan membela agama Allah SWT.

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Bagi mengelakkan umat Islam menjadi hanya sekadar pemerhati dan ‘pengulas terhormat’ terhadap kesengsaraan dan penderitaan yang menimpa umat Islam, maka adalah diharapkan agar badan-badan berwajib, NGO kebajikan, masjid, surau dan sebagainya dapat menggembeleng tenaga dan bertindak memupuk budaya berinfak di kalangan umat Islam di negeri ini.

Langkah ini sebagai usaha memupuk perasaan mahabbah dan kasih sayang kea arah menyempurnakan keimanan sebagai Muslim. Ini selaras mafhum Hadith daripada Anas bin Malik RA yang meriwayatkan daripada Rasulullah SAW: “Tidak (sempurna) iman seseorang daripada kalangan kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri”. (HR Bukhari dan Muslim).

Mudah-mudahan, berkat usaha yang berterusan dalam menyemai semangat berinfaq ini akan menjadikan kita sebagai peserta yang mengambil bahagian dengan menghulurkan bantuan dan sumbangan bagi menangani masalah ummah. Menafkahkan sebahagian harta atau wang ringgit yang disayangi dapat mencapai kebajikan dan kebaktian yang sempurna selaras firman Allah SWT:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿١٦﴾

Yang bermaksud: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu nafkahkan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan apa jua yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.” (S. Ali-Imraan: 92).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.